

Guna campuran pil khayal dan mandul perdaya wanita

Jerat perogol guna pil noda

Kosmo 8/4/08 m/s 4

Ekklusif!

Oleh MOHD. ZAINI SAMSU HADI
mohdzaini.samsuhadi@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Golongan wanita yang gemar berfoya-foya di kelab malam bersama lelaki yang tidak dikenali, kini mungkin perlu berfikir dua kali sebelum meneguk minuman yang dihidangkan kepada mereka.

Ini kerana, mereka kini lebih terdedah untuk menjadi mangsa rogol oleh lelaki-lelaki buas yang mahu mengambil kesempatan 'meratah' gadis muda melalui penggunaan 'pil noda'.

Hanya dengan mencampurkan pil berkenaan yang juga sejenis dadah dipanggil *Rohypnol* (gambar kecil) di dalam minuman, seseorang wanita yang terminumnya tidak akan menyedari sebarang pebuatan dan tindak-tanduk yang dilakukan ke atas diri mereka.

Mangsa juga tidak mampu mengingati apa yang berlaku terhadap dirinya walaupun dirogol ekoran kesan bahan tersebut yang biasanya aktif selama tempoh 12 jam.

Biasanya, mangsa yang diperdaya terdiri kalangan mereka yang mengambil minuman keras dan pemangsa mengambil kesempatan mencampurkan bahan itu ke dalam minuman tanpa disedari.




Setelah meminumnya, mangsa tidak pangsang sebaliknya akan menjadi khayal dan tidak mampu mengingati apa yang dilakukannya.

Difahamkan, selain *Rohypnol*, mereka juga mencampurkan sejenis pil lain yang dikenali *Progesterex* yang ditumbuk halus dan dimasukkan ke dalam minuman bersama *Rohypnol*.

Progesterex dikatakan bertujuan 'mencuci' rahim mangsa seterusnya mengelakkan mangsa mengandung selepas dirogol oleh 'lelaki pil noda'.

Ia juga didakwa memberi kesan buruk kerana mangsa yang mungkin berisiko menjadi mandul sepanjang hayat kerana pil yang sama pernah digunakan untuk memandulkan kuda itu telah disalahgunakan.

Perogol dikatakan mudah memperolehi bahan tersebut di pasaran gelap dan klinik haiwan dengan pelbagai bentuk yang ada di antaranya menyerupai seakan pil vitamin biasa.



KEGIATAN di kelab-kelab malam sering dikaitkan dengan aktiviti maksiat – Gambar hiasan.